

Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

PERCHUMA

RABU 3HB OKTOBER, 1979.


1399 ذوالقعدة رابو 11

SELAMAT MENUNAIKAN IBADAH HAJI

400 JEMAAH PERTAMA BERTOLAK SEMALAM



YB Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz bersalaman dengan salah sa-orang jemaah haji di-dalam kapal terbang Boeing 747B bagi mengucapkan selamat belayar.



ANTARA ribuan sanak saudara dan sahabat handai jemaah haji yang penoh sesak di-bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa telah datang dari awal subuh sa-belum para jemaah berlepas ka-tanah suci.

diri dari orang2 yang mempunyai tugas2 yang tertentu terutama tugas2 kerana urusan haji.

Saperti yang telah di-chatetkan tahun ini sa-ramai 746 orang jemaah menunaikan Fardhu Haji dengan menggunakan dua penerbangan SIA.

Dari jumlah tersebut sa-ramai 159 orang jemaah akan menunaikan Fardhu Haji menerusi tambang2 kornia ia-itu 27 orang jemaah termasuk empat orang muaf dari Daerah Brunei Muara di-korbankan tambang Duli Yang Maha Mulia dan 128 orang jemaah menerima tambang kornia dari Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dan sa-lebih-nya sa-ramai 587 orang melakukan penerbangan dengan tambang sendiri.

Untuk lebeh mengkesan dan menjamin kebajikan para jemaah sa-panjang mengerjakan ibadah haji itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melantek sa-ramai lapang orang pegawai2 kanan sa-bagai Pegawai Perhubungan Haji bagi tahun 1979.

Mereka terdiri dari Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Dato Seri Laila Jasa Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Besar, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah dan Awang Kassim bin Haji Ahmad yang ke-empat2 mereka ini telah turut serta dalam penerbangan jemaah yang pertama pagi kelmarin.

Manakala empat orang pegawai yang lain YDM Pehin Datu Pekerma Wijaya Mejar Dato Awang Hussin bin Haji Sulaiman, Awang Abdul Rajid bin Haji Abdul Kadir, Awang Puasa bin Tudin dan Awang Haji Jali bin Haji Abdul Latif akan menyertai penerbangan jemaah haji yang kedua pada 9hb Oktober ini.

Di-samping itu Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah juga berkenan melantek 12 orang rombongan perubatan dari kakitangan Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan yang terdiri dari dua orang doktor, dua orang pembantu rumah sa-

kit, dua orang juru-rawat, dua orang atenden dan dua orang amah serta dua orang penyelia juru-rawat dan ketua juru-rawat.

Rombongan perubatan tersebut terdiri dari Dr Shah Mohd Fazle Alam, Dr Saleha bte Begum, Matron Dyg Rokiah bte Hj Zakiah, Awg Basuni bin Jaafar, Awg Abu bin Hj Salleh, Dyg Taibah bte Pehin Datu Pekerma Dewa Hj Abdul Rahim, Awg Sabtu bin Ali, Awg Rosni bte Dato Paduka Hj Hamidon, Awg Mokhtar bin Ibrahim, Awg Mohammad bin Abdullah, Dyg Halimah bte Hj Budin dan Dyg Damit bte Hj Naim.

Jemaah2 haji rombongan pertama di-jangka pulang ka-tanah ayer dari Jeddah pada 13hb Nobember, 1979 menerusi Singapura dan sampai ka-negeri ini pada 14hb Nobember, 1979 hari Rabu jam 6.35 pagi, sementara rombongan haji penerbangan kedua akan pulang pada 20hb Nobember dari Jeddah dan sampai di-Singapura terus ka-Brunei

pada hari Rabu, 21hb Nobember, 1979 jam 6.35 pagi.

Di-antara yang turut mengucapkan selamat belayar kepada jemaah2 haji pagi kelmarin termasuklah YB Setia Usaha Kerajaan, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, YB Pehin Tuan Imam, YAM Pengiran2 Cheteria, YDM Pehin2, Ahli2 Yang Berhormat dan lain2 pegawai kanan kerajaan.

Terdahulu dari itu memandangkan jemaah2 haji yang terlalu ramai di-kedua-dua penerbangan, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengarahkan mereka menghantar barang2 mereka sahari sa-belum penerbangan kabanngan Lapangan Terbang Antarabangsa.

Bagi jemaah haji penerbangan pertama mereka telah menghantar barang2 mereka pada petang Isnin, 1hb Oktober lepas manakala jemaah haji penerbangan kedua, menghantar barang2 mereka pada petang Isnin 8hb Oktober ini di-tempat yang sama.

Manis-nya Iman

"JANGAN-LAH kamu membayangkan chakap dengan tiada mengingati Allah. Sesungguh-nya banyak chakap dengan tiada mengingati Allah itu menjadikan keras hati (tiada akan menerima tunjuk ajar). Dan sesungguhnya orang yang paling jauh daripada mendapat rahmat Allah ia-lah orang yang keras hati." — HADITH Nabi riwayat At-Tarmizi daripada Ibnu 'Umar.

Bolasepak 5 orang sa-pasokan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara, akan menganjorkan perlawanan bolasepak 5 orang sa-pasokan, sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali ke-33 tahun.

Perlawanan tersebut di-jadualkan di-adakan di-Padang Sekolah Bangunan Saiful Rizal, pada 4hb Nobember, 1979 depan. Ia-nya terbuka kepada Sekolah2 Menengah dan Maktab2 di-seluruh negeri bagi penuntut2 di-sekolah atau di-Maktab yang berdaftar dan tidak terhad kepada umur.

Tarikh penyertaan pendaftaran di-lanjutkan hingga 17hb Oktober, 1979 dan borang2 penyertaan hendaklah di-kembalikan sa-belum tarikh tersebut atau sa-lewat-lewat-nya pada 17hb Oktober. Mana2 Sekolah Menengah atau Maktab yang belum mendapat borang penyertaan perlawanan, bolehlah berhubung segera dengan Setia Usaha Perlawanan Bolasepak 5 orang Sa-pasokan, Awang Masri bin Haji Abu Bakar, Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal.

Pertunjukan Pertanian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertunjukan Pertanian bagi Daerah Temburong akan di-adakan pada 28hb Oktober ini manakala Pertunjukan Pertanian di-Daerah Tutong pula akan di-adakan pada 25hb Nobember.

Tarikh baru bagi pertunjukan pertanian kedua2 daerah itu telah di-umumkan oleh Jabatan Pertanian baru2 ini.

Pertunjukan Pertanian bagi daerah itu sa-patut-nya di-adakan dalam bulan lepas, tetapi di-tangguhkan oleh kerana menghormati kemangkatan Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit.



Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

3HB OKTOBER, 1979

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Negara makmor raayat bahagia

KEMAKMORAN negara ternyata membawakan kebahagiaan dan kesenangan kepada raayat. Kemakmoran itu ujud ada-lah berkat sumbangan2 kerjasama dan kesedaran yang bermutu tinggi di-kalangan raayat jua dan kita bersyukur ka-hadhrat Allah s.w.t. yang telah melimpahkan rahmat nikmatnya ka-atas raayat dan negara yang kita cintai ini dalam mana kita telah dapat berhidup dengan selesa di-samping terpelihara-nya suasana yang aman lagi damai.

Dari kemakmoran yang kita kechap itu tidak-lah bererti yang kita sudah berpuas hati kerana-nya dan hidup tanpa membuat usaha2 untuk melipat-gandakan taraf kemakmoran itu. Sebalak-nya, kita sama2 saksi hari ini bahawa lebih ramai bumiputera mencheburkan diri dalam berbagai bidang usaha terutama-nya dalam bidang2 perniagaan dan perusahaan yang mana perkembangan yang baik ini memang-lah di-kehendaki malah di-galakkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Dalam keadaan dunia moden hari ini, tidak shak lagi ada-lah memerlukan tenaga2 dan usaha2 yang lebih nekat di-kalangan raayat sendiri terutama-nya dalam menghindarkan atau membiarkan yang ekonomi negara di-kendalikan kebanyakan oleh yang bukan bumiputera. Kerana ujud-nya langkah2 yang positif di-kalangan raayat, maka yang bukan bumiputera itu semakin berkurangan. Walaupun bilangan mereka maseh belum dapat di-saingi oleh bumiputera, namun sekurang2-nya membanggakan dengan semakin bertambah-nya raayat menumpukan perhatian di-bidang usaha-niaga itu.

Akan hal kemakmoran ini, sejak lama lagi Kerajaan memang sedar bahawa kemakmoran negara ada-lah juga kemakmoran raayat dan raayat harus sama2 mengechap-nya menerusi penyaloran yang sebaik2-nya.

Dalam menyedari hakikat ini, banyak usaha telah di-lakukan oleh Kerajaan untuk menyalorkan kemakmoran itu agar benar2 di-nikmati sama oleh raayat dan raayat harus pula mengambil sikap yang positif terhadap-nya. Usaha dan galakan ini ternyata tidak sia2, kerana hari ini kita dapat melihat kemakmoran itu sama2 dapat di-kechap oleh raayat. Bidang2 pembangunan negara tidak dapat di-nafikan telah banyak memberikan kemakmoran kepada raayat umpama-nya dari ganjaran2 yang di-berikan kerana pengambilan kawasan2 yang di-miliki oleh raayat untuk menempatkan pembangunan2 yang juga kerana kepentingan raayat. Di-samping itu, kerana pembangunan negara juga telah melahirkan lebih ramai bijak-pandai di-kalangan raayat yang sudah tentu-nya pula menerima ganjaran yang lumayan dan sa-timpal dengan khidmat mereka.

Atas amalan2 "berkebajikan", segi2 dari apa yang di-katakan hak raayat tidak pernah di-abai, malah tetap mendapat pertimbangan dan di-laksanakan dengan sebaik2-nya umpama-nya pengurniaan2 tambang untuk melanchong keluar negeri dan tambang fardhu haji. Tambang menunaikan fardhu haji ini pula di-keluarkan kepada orang2 yang di-fikirkan layak, bukan saja oleh Kerajaan Baginda Yang Dipertuan, Majlis Ugama Islam bagi mu'alaf2, bahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri mengeluarkan kurnia ini kepada raayat Baginda pada sa-tiap tahun.

Menyebut mengenai dengan ibadah haji ini, kita bersyukur ka-hadhrat Allah s.w.t. bahawa Umat Islam di-negeri ini sama sekali tidak mengabaikan rukun2 Islam, malah kepatohan kita menjunjung-nya ada-lah menjadi kenyataan yang chukop jelas. Jumlah sanak-saudara kita yang menunaikan ibadah haji tahun ini ada-lah jumlah yang terbesar berbanding dengan tahun yang sudah2 dalam mana jumlah terbesar yang pernah di-chatetkan ia-lah dalam tahun 1973 sa-ramai 662 orang, sementara jumlah tahun ini ia-lah sa-ramai 749 orang.

Umat Islam di-negeri ini memang sudah di-kenali sa-bagai umat yang kuat beribadat dan taat melaksanakan titah perintah Allah, dan melihat kepada keadaan ini, kita bersyukur atas lebih ramai-nya lagi kedatangan saudara2 kita yang baru memelok Ugama Islam. Justeru itu, kita yakin bahawa keadaan ini tidak akan di-chemari dan kita puhonkan ka-hadhrat Allah semoga kita kekal dan tegoh beriman kepada-Nya. Amin.

PADA HEMAT SAYA.....

ILHAM BERKABONG

DALAM tempoh perkembangan sekarang, kanak2 sekolah, pemuda pemudi dan orang2 dewasa masing2 bersongkok berlilit puteh atau bertudong atau pun melilitkan kain puteh di-leungan. Di-jalan2 dan di-tempat2 awam lain-nya seperti di-pasar kelihatan suatu keseragaman. Paling menarek ia-lah di-pejabat2 Kerajaan di-mana kakitangan2-nya yang terdiri dari orang2 kita kelihatan titih dengan songkok dan tudong selendang.

"Ini patut di-develope." Kata sa-orang kawan dari sa-buah pejabat yang besar sa-waktu menalipon saya beberapa hari yang lalu. Mungkin bagi saya yang biasa bersongkok perkara ini tidak lagi janggal, sakadar menambah lilit tiga suku songkok sahaja. Dan bagi orang2 yang hampir sa-umur dengan saya, sakurang2-nya telah pernah mengalami sa-kali suasana berkabung peringkat negara seperti ini. Waktu itu kami maseh bersekolah berikutan kemangkatan Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin kira2 tiga puluh tahun dahulu.

"Di-develope bagaimana?" Tanya saya. "Sudah berapa hari berkabung, orang2 kita berasa shok pakai songkok atau bertudong." Kawan itu menjawab.

"Chuma shok sahaja?" Saya segera memotong-nya. Tapi kawan yang menalipon itu sunggoh2 menerangkan sa-suatu. Menurut-nya ramai kawan2 di-pejabat-nya terutama orang perempuan menhadangkan supaya bersongkok dan bertudong itu di-teruskan. Saya kemudian bertanya: "Untuk apa?" Maksud saya ia-lah untuk menduga sa-jauh mana motif dari chadangan itu.

Maksud saya: kalau chadangan itu lahir dari suatu kesedaran, saya sunggoh mahu tahu kesedaran apa? "Ya-lah... orang kita ini biasa-nya mesti di-beri ketegasan. Dahulu ada ura2 menyuruh kita bersongkok atau bagi yang perempuan memakai selendang, tapi tiada sambutan." Kawan itu meneruskan. Dan saya sedia maalom memang ada sa-tengah2 pejabat yang chuba mengambil langkah tiada rasmi supaya kakitangan-nya sentiasa manis, dan antara-nya termasuklah bersongkok dan bertudong selendang. Tapi itu lebih merupakan perhubungan meninjau riaksi, tidak lebih dari itu.

"Ketegasan yang bagaimana?" Tanya saya lagi dengan maksud memancing penjelasan yang kon-

kerit mengenai chadangan supaya orang2 kita di-beri ketegasan dalam perkara bersongkok dan bertudong itu.

"Mengadakan peratoran." Jawab kawan itu. Dan saya memang menduga itu-lah jawab yang akan saya perolehi daripada-nya. Saya sudah biasa maalom begitulah selalu-nya kita berfikir apabila mahukan sa-suatu di-buat: pehak2 rasmi mesti mengambil langkah2 rasmi, atau membuat arahan dan peratoran2.

"Apa tidak ada chara lain?" tanya saya sambil memberitahu-nya bahawa membuat peratoran itu memerlukan pertimbangan yang berhati2. Dan khusus mengenai pakaian, perubong yang hati2 itu akan lebih berhati2 pula di-fikirkan.

"Mungkin chara lain ada, tapi akan sukar di-patohi," jawab-nya. Saya dapat merasakan kawan saya itu memang chukop bersemangat dan berkemahuan supaya sa-tiap langkah yang di-ambil akan di-patohi sebab itu mesti datang dari pehak yang di-patohi melalui saloran yang di-patohi. Lalu saya terus memancing dengan sengaja bertanya: "Sukar di-patohi bagaimana?"

Kawan yang menalipon itu seperti hampa kerana sambutan dingin saya dengan chara memperbanyakkan pertanyaan2 begitu. Kerana itu dia segera menjelaskan bahawa dia sakadar membuat saranan demikian supaya fikiran seperti fikiran sa-tengah2 kawan2-nya itu di-salurkan dengan luas. Dan saya mungkin dapat menyalorkan fikiran itu menerusi bidang tugas saya.

"Begini saja," kata saya sa-telah benar2 yakin kawan itu agak hampa, "fikirkan lebih dahulu dari segi sa-jauh mana munasabah atau tidak pehak berkenaan mengadakan peratoran supaya kakitangan Kerajaan yang lelaki bersongkok dan yang perempuan berselendang. Sebab kalau ada chara lain saya lebih chenderong untuk menyalorkan chara lain itu bagi di-fikirkan dengan meluas."

Perchakapan kami berhenti di-situ. Sa-telah masing2 meletakkan gagang talipon, saya segera terfikir memang sesungguh-nya suasana perkabong berikutan kemangkatan Almarhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Raja sekarang ini banyak menimbulkan ilham yang baik kepada sa-tengah2 orang. Dan kawan saya itu ada-lah sa-orang yang telah mendapat

ilham lalu menyarankan di-adakan peratoran bagi kakitangan Kerajaan terus memakai songkok atau bertudong selendang semata2 kerana ada kawan2-nya menyatakan shok sa-telah beberapa hari bersongkok dan bertudong.

Dari segi mematohi arahan rasmi kerana berkabung nyata-lah orang kita telah menunjukkan sikap yang amat membanggakan. Itu tanda-nya kepatohan dalam bernegara dan berkerajaan.

Tetapi, sa-jauh mana-kah kepatohan bersongkok atau bertudong itu dapat di-develope menjadi pakaian "rasmi" kakitangan Kerajaan sa-waktu bertugas? Inilah yang bermain2 di-kepala saya.

Pertimbangan dalam pemikiran saya ia-lah: sa-

jauh mana pelajaran agama yakinkan orang2 kita bahawa menutup kepala bagi lelaki itu ada-lah amalan yang di-galakkan (sunnat) di-sisi shara', dan menutup 'aurat bagi orang2 perempuan (bukan sa-takat bertudong) itu ada-lah amalan yang di-wajibkan?

Jika orang2 kita telah berkeyakinan (bukan sa-takat berkesedaran!) maka pada hemat saya chadangan seperti yang di-sarankan oleh kawan saya tadi tidak mustahak di-bangkitkan; atau kalau pun ada chara lain seperti kempen2 yang mungkin di-adakan nanti, maka penekanan tentu-lah lebih tepat kepada meyakinkan orang2 kita akan galakan dan surohan ke-ugamaan itu.—Haji Bada-ruddin.



BAGI kakitangan salah sa-buah jabatan seperti gambar atas mereka sedar yang mereka berselendang (tudong kepala) sekarang ia-lah kerana berkabung. Tetapi tentu tidak seperti hal-nya bagi kanak2 di-salah sa-buah taman asohan seperti gambar bawah ini; mereka mungkin tahu bersongkok dengan berlilit puteh itu kerana ibu-bapa mereka memakainya begitu dengan sedikit penjelasan sa-kadar untuk memahamkan mereka. Apa-kah mungkin suasana seperti ini boleh di-develope untuk di-teruskan menjadi pakaian kerja dan sekolah?



SATELLITE STATION STAMPS

BANDAR SERI BEGAWAN — The Postal Services Department has made available special issues of stamps and First Day covers to commemorate the opening of the earth satellite station at Telisai in Tutong District.

The stamps in the denominations of ten, twenty-five and seventy-five cents and the First Day covers are now being sold at all post offices in the State.

The earth station was scheduled to be officially opened by Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddi last Sunday, September 23 but was postponed because of the

mourning for the late Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Raja.

The multi-million dollar station enables Brunei to have direct telephone circuits to Hong Kong, Singapore, Kuala Lumpur and Britain, and to receive live television programmes from overseas.

A record 749

to perform Haj

BANDAR SERI BEGAWAN — A record number of seven hundred and forty-nine Muslims in the State will perform the Haj this year.

The first group of four hundred pilgrims left the Brunei International Airport at eight-thirty yesterday morning by Singapore Airlines Boeing 747 Jumbo Jet.

The remaining 349 pilgrims will leave the State by the same Boeing 747 next Tuesday morning.

The Government has appointed eight officers to look after the welfare of the pilgrims and an eight member medical team headed by Dr. Shah Mohammad Fazle Alam to make sure they stay in good health throughout.

The pilgrims will return to Brunei around the middle of next month.



Dr Almanzor speaking at the start of the course. Seated on her left is Pehin Dato Hussein while on her right is the Chief Welfare Officer, Datin Hajjah Zahrah binte Haji Idris.

SIXTY ATTEND COURSE

BANDAR SERI BEGAWAN — A month-long course on social work and community development has started at the Youth Centre here.

It is being attended by some sixty people from various government departments and welfare associations, and conducted by Dr. Almanzor, the United Nations Regional Advisor on Social Work and Community Development for Asia and the Pacific.

The Director of Welfare, Youth and Sports Department Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein officially opened the course ten days ago on behalf of the Menteri Besar.

Pehin Dato Hussein in his opening address, among other things, advised the participants to take the course seriously so that they can contribute positively towards their respective organisations.

Religious officers off to UK

BANDAR SERI BEGAWAN — The Religious Affairs Department has sent three more of its senior officers to the United Kingdom where they will be attending various educational courses.

They are the Senior Religious Officer, Awang Mohammad Amin bin Pehin Dato Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim; the Assistant Superintendent of Religious Schools, Awang Haji Abdul Hamid bin Mohammad Daud; and a Senior Inspector of Religious Schools, Awang Haji Mahalee bin Haji Abdullah.

Awang Mohammad Amin, a graduate of Egypt's Al-Azhar University, will take up a course in philosophy of education at the Birmingham University where he will be for the next fifteen months.

Awang Haji Abdul Hamid and Awang Haji Mahalee will also be at the same university but doing different courses.

The two men will be at the university for three months during which they will attend courses in education administration and teacher training.

Society elect new officers

BANDAR SERI BEGAWAN — The Brunei Photographic Society held its annual general meeting recently at the conference room of the Youth Centre here.

During the meeting new office-bearers who will serve for two years were

electd. Awang Abu Bakar bin Haji Ahmad is the new President of the Society, while Awang Haji Kamaluddin bin Pehin Dato Panglima Haji Abu Bakar, who chaired the meeting, remained as Vice-President. The meeting elected

Awang Abdul Hamid bin Haji Jalil as Secretary with Awang K.S. Mah and Awg. Arpan bin Muhammad as his assistants, and Awang Pang Puey Cheong as Treasurer.

It also elected five members to serve as chairmen and assistant chairmen of exhibition, social and club house, and three ordinary committee members.

Members of the public especially those who are keen on photography interested in joining the society may get the application forms from the Secretary at the Education Department or from the Social Chairman, Dayang Grace Lye at Radio Television Brunei here.

The Society has for many years been the organiser of international photographic exhibition which is normally held in conjunction with His Highness the Sultan's birthday celebrations.

The last one, held last year, attracted, as usual, hundreds of top photographers in Southeast Asia and other parts of the world.

Degree courses for two

BANDAR SERI BEGAWAN — Two senior officers of the Education Department last week left for Britain to take up degree courses.

They are the Acting Director of Education, Awg. Haji Abu Bakar bin Haji Apong and the Organiser of Arts and Music, Awang Zaini bin Abdul Hamid.

Awang Haji Abu Bakar

will pursue a one-year Master's degree course in Education at the Lancaster University and Awang Zaini an eighteen-month Bachelor's degree in Philosophy of Education at the Birmingham University.

Ban on Singapore pet dogs

BANDAR SERI BEGAWAN — The Agriculture Department is putting a temporary ban on the import of pet dogs from Singapore.

The Department said the ban followed an outbreak of a type of dog's disease in the republic called Canine Virus Gastroenteritis, which is infectious.

Parcel service at airport

BERAKAS — The Postal Services Department has introduced a continuous parcel service at the Brunei International Airport here.

The service which started operation on October 1 is available from 7.30 a.m. to 3.00 p.m.

Pleasing pepper production

KUALA BELAIT — The pepper producing areas in the Belait District has showed a substantial increase in output during the first nine months of this year.

The Agriculture Office here disclosing this said Mukim

Sukang and Mukim Melilas produced a total of 7,159 katis for the first three quarters of this year which is much more than for the whole of last year when there were only 6,214 katis.

A pepper farmer is given point six acres of land each, plus free advice from the Agriculture Department, which also provides the farmer insecticides and fertilisers at half prices under the Government's subsidy scheme.

The Agriculture Office also said that plans are in hand to expand that acreage under cultivation and to start pepper planting in other parts of the State.

131 pass commercial exams

BANDAR SERI BEGAWAN — A total of one hundred and thirty-one candidates out of the one thousand six hundred and eleven who sat for the Brunei Commercial Certificate Examinations last June passed according to results

released last week. The Education Department which gave the results out said among those who passed included one hundred and twenty-two in typewriting, eight in book-keeping and one in shorthand.



THESE Land Transport Department and police officers check a car to see that it conforms strictly to regulations following instructions issued by the new Acting Controller of the Land Transport Department, Awang Omar bin Haji Serudin, on the need to adhere to the regulations which include a ban on car modifications, in a further effort to minimise road accidents in the State. The Department is taking stern action against car owners who have carried out unauthorised modifications on their cars such as sports rims and tyres, and tinted windscreens.

Pegawai2 Kerajaan ikuti berbagai kursus di-UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa orang pegawai Kerajaan telah berlepas ka-United Kingdom untuk menjalani kursus bagi pengajian ijazah antara-nya termasuk-lah Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup.

Awang Haji Mohd Salleh akan menjalani kursus pengajian bagi Diploma atau Sarjana Sains dalam bidang Pengurusan Sektor Awam di-Pusat Pengurusan Aston Universiti Birmingham selama sa-tahun.

Sa-orang Pegawai Pertanian di-Bahagian Kaji Penyakit Tumbuh2an, Dk Mariana bte Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg Abdul Momin telah bertolak pada 24hb September yang lalu untuk melanjutkan pengajiannya bagi ijazah Sarjana Sains dalam

Pembiakan Tumbuh2an di-University College of Wales, Aberystwyth selama dua tahun.

Dk Mariana yang berke-

lulusan Sarjana Muda Sains dari Universiti Singapura mula berkhidmat dengan Jabatan Pertanian dalam bulan Mei 1977.



PENGIRAN Matusin ketika di-lawati oleh Awang I. C. Booth dalam bulan Mach lalu. Awang Booth ia-lah orang pertama melukis peta Negeri Brunei dalam tahun 1934.

Juga bertolak ka-United Kingdom baru2 ini ia-lah Ketua Pembantu Teknik dari Bahagian Kawal dan Pemetaan Jabatan Ukur Pg Matusin bin Pg Haji Matassan.

Pg Matusin akan menuntut di-North East London Polytechnic bagi ijazah Sarjana Muda Sains dalam "Land Surveying Sciences". Kursus tersebut akan mengambil masa sa-lama tiga tahun.

Pg Matusin yang berke-lulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan dalam bidang Kejuruteraan Awam, mula berkhidmat dengan Jabatan Ukur dalam bulan September 1976. Beliau ada-lah merupakan pegawai yang kedua dari jabatan itu mengikuti kursus yang serupa. Penolong Juru Ukur, Awang Yunus bin Mohd Noh sekarang dalam tahun ketiga di-Universiti yang sama.

Sementara itu sa-ramai 19 orang pegawai dan guru dari Jabatan Pelajaran juga telah dan akan bertolak ka-United Kingdom untuk mengikuti kursus dalam berbagai2 bidang.

Pemangku Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong akan mengikuti pengajian Master of Arts di-Lancaster University selama sa-tahun; Dayang Azizah bte Penglima Asgar Dato Haji Abdullah, Pengetua Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, akan mengikuti kursus ijazah Sarjana dalam bidang Pelajaran di-Universiti Birmingham selama 16 bulan; Awang Zainie bin Abd Hamid, Penyusun Latehan Kesenian akan mengikuti kursus ijazah Bachelor of Philosophy di-Universiti Birmingham sa-lama sa-tahun.

Awang Mohammad bin Haji Mohd Salleh, Penolong Pensharah Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, Pg Ibrahim bin Pg Damit, Penolong Penyusun Latehan Jasmani dan Pg Haji Duraman bin Pg Baha, Guru Tingkatan Khas Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong akan mengikuti kursus ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pelajaran di-Universiti Cardiff sa-lama dua tahun.

Awang Abdul Ghani bin Haji Omar, Guru Sekolah Melayu Gadong, Dayang Jainab bte Abdul Kadir, Guru Sekolah SM Anggerek Desa, Awang Salleh bin Abdul Hamid, Guru Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Awang Razali bin Awang Piut, Guru dan Awang Jaafar bin Rais Guru Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong akan mengikuti kursus Diploma bidang Pendidikan di-Universiti Newcastle sa-lama 10 bulan.

Awang Sulaiman bin Hj Latip, Guru Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri akan mengikuti kursus ijazah dalam bidang Pelajaran di-University North East Wales Institute of Education selama dua tahun.

Awang Abd Rahman bin Razali, Guru Pusat Karikulum dan Awang Moksin bin Abu Bakar, Penolong Pensharah Maktab Sultan Hassanah Bolkiah Gadong akan mengikuti kursus ijazah Sarjana Muda (Pelajaran) di-Universiti Hull sa-lama sa-tahun.

Lim Biaw Tee, Pegawai Pelajaran akan mengikuti kursus Postgraduate Certificate of Education di-LaSainte Union College of Education sa-lama 10 bu-

DAYANGKU Mariana ketika bertugas di-makmal Kaji Penyakit Tumbuh2an.

lan; Awang Japar bin Bangkol Guru Sekolah SPI Dato Gandi mengikuti kursus diploma dalam bidang pelajaran di-Universiti Leeds sa-lama 10 bulan dan Awang Besar bin Tujoh, Guru SPI/SM OKBI Kilanas akan mengikuti kursus diploma dalam bidang pelajaran di-Universiti Hull sa-lama 10 bulan.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 26hb September, 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN :

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (Singapore) — \$29.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut :—

Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan,
Kuala Belait.

2. KACHANG TANAH—\$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—

Chop Chin Seng,
No. 107, Jalan Chevalier,
Bandar Seri Begawan.

3. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

Soum Huat,
No. 28, Jalan Sultan,
Bandar Seri Begawan.
Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan,
Bandar Seri Begawan.

KUALA BELAIT :

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (Singapore) — \$30.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut :—

Soon Seng,
No. 32, Jalan Pretty,
Kuala Belait.

2. KACHANG TANAH—\$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

Ng Ming Hong,
No. 101, Jalan McKerron,
Kuala Belait.
Ng Ming Hong,
No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China,
Kuala Belait.

3. BAWANG BESAR — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

a) Choo Seng,
No. 20, Jalan Pretty,
Kuala Belait.

b) Eng Soon Seng,
No. 58, Jalan Pretty,
Kuala Belait.

c) Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty,
Kuala Belait.

d) Foh Soon,
No. 60-A, Jalan Pretty,
Kuala Belait.

e) Yun Seng Supermarket,
No. 84, Jalan Bunga Raya,
Kuala B. it.

SERIA :

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (Singapore) — \$31.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut :—

Poh Seng,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga,
Seria.

2. KACHANG TANAH—\$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

a) Foo Hap Shing,
No. 20, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.

b) Chop Siong Yick,
No. 54, Jalan Bunga Kuning,
Seria.

3. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—

Chin Siong Hin,
No. 3, Jalan Sultan Omar Ali,
Seria.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 3hb hingga 9hb Okt. 1979.

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	3.10.1979	Rabu	10.00-10.30
Sekolah Melayu Mentiri	3.10.1979	"	10.45-11.15
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	3.10.1979	"	11.30-12.00 T/Hari
Kawasan Rumah Mukim Serasa, Kampong Serasa	4.10.1979	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Kampong Masjid Lama, Muara	4.10.1979	"	4.30- 5.30 "
Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong	6.10.1979	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	6.10.1979	"	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	6.10.1979	"	4.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Sungai Hanching	8.10.1979	Isnin	3.00- 4.00 "
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	8.10.1979	"	4.30- 5.30 petang
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	9.10.1979	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	9.10.1979	"	10.30-11.30 "

فندوان منونى كن فرض جج



تربيتن جباتن حال احوال ايام بروني



JABATAN Hal Ehwal Ugama telah menerbitkan sa-buah buku yang di-beri nama PANDUAN MENUNAikan FARDHU HAJI (gambar atas).

Orang ramai yang ingin mendapatkan buku tersebut bolehlah membeli-nya di-Bahagian Penerangan dan Tabligh jabatan tersebut di-ibu negeri dengan harga \$1.00 sa-naskhah.

Berkursus di-Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN — Tujuh orang pegawai dari Jabatan Imigresen di-republik itu terutama pengawal-an di-lapanganterbang dan pelabohan manakala sa-orang lagi akan menjalani mengenai pengendalian paspor.

Mereka akan menjalani kursus tersebut sa-lama sabulan kechuali Awang Azamain yang akan kembali ka-tanah ayer pada 15hb ini.

Lima orang dari pegawai tersebut akan menjalani

SALAH satu sifat yang perlu bagi mencapai sesuatu kejayaan dan kemenangan itu ialah percaya kepada diri sendiri. Perchaya kepada diri sendiri adalah tiang dari segala budi pekerti yang utama yang menimbulkan kemauan dan kehendak serta menimbulkan usaha sendiri atau berikhtisar. Sa-baleknya tanpa kepercayaan kepada diri sendiri dan tidak mau berpegang kepada kebolehan yang ada pada diri sendiri ada-lah menggambarkan sifat2 lemah yang membawa kepada kemunduran dan ketinggalan di-dalam men-chapai sa-suatu kejayaan dan kemenangan.

Di-dalam buku2 sejarah banyak kita dapati bakti2 betapa orang2 yang perchaya dan berpegang tegoh atas kebolehan diri sendiri itu mendapat kejayaan dan kemenangan di-dalam sa-satu usaha dan perjuangan. Di-sebabkan perchaya diri sendiri Khalifah Syedina Abu Bakar r.a. tidak gentar sedikit pun menghadapi kesukaran dan huru-hara yang terjadi sa-telah Rasulullah s.a.w. wafat. Boleh di-katakan seluruh tanah Arab memutuskan perhubungan dengan pusat pimpinan Islam, mendakwakan timbulnya Nabi2 palsu dan ingkar mengeluarkan zakat.

Khalifah Syedina Abu Bakar r.a. tampil ka-hadapan dengan penuh kepercayaan kepada diri sendiri bagi menghadapi huru-hara yang mengancam keamanan dan keteguhan Islam yang pada masa akhir-nya beliau telah beroleh kejayaan dan kemenangan.

Di-dalam peperangan Badar Rasulullah s.a.w. bersama-sama dengan hanya tiga ratus tentera Islam, kerana kekuatan iman dan kepercayaan kepada diri sendiri telah berjaya mengalahkan tentera2 musuh yang berjumlah sa-ribu orang.

Perchaya kepada diri sendiri itu-lah juga yang menjadi senjata yang kuat bagi Tariq bin Zaid ketika menyeberangi Benua Eropah untuk membuka negeri Andalus sa-hingga beliau telah beroleh kemenangan yang gilang-gemilang.

Kebangkitan bangsa Jepun sa-telah mengalami kekalahan di-dalam peperangan dunia yang kedua sa-hingga menjadi satu bangsa yang sa-tanding kemampuannya dengan orang2 barat sekarang ini ada-lah di-sebabkan perchaya kepada diri dan kebolehan diri mereka sendiri. Kerana mereka itu tiada mempunyai sifat demikian itu-lah bangsa itu sukar akan muncih sa-mula sa-bagai suatu bangsa yang maju sa-telah mengalami kerosakan dan pen-taklukan.

Orang2 Islam ada-lah kaum yang sa-patutnya boleh perchaya kepada diri sendiri sebab kekuatan yang ada pada diri-nya itu

Perchaya pada diri sendiri untuk chapai kejayaan



di-pergantongkan-nya kepada kekuatan Allah Yang Maha Kuasa. Barang siapa yang beriman kepada Tuhan-nya tidak-lah dia takut dan gentar bagi menjalani liku2 hidup ini. Dia tidak perchaya bahawa ada suatu kekuatan di-dalam dunia ini yang akan menghalangi diri-nya kalau sa-kira-nya tidak di-izinkan oleh Allah. Kepercayaan tauhid mengajarkan kita bahawa di-dalam pekerjaan kita itu tidak akan di-timpa bahaya jika sa-kira-nya tidak di-takdirkan oleh Allah Yang Maha Kuasa.

Oleh yang demikian

mari-lah kita bekerja bagi memperbaiki diri kita, gunakan-lah diri kita dalam usaha menyusun kehidupan kita supaya menjadi lebih baik dan lebih sempurna, gunakan-lah segala kebolehan kita untuk men-chapai kejayaan di-dalam segala usaha yang men-datangkan kejayaan dan tanamkan-lah kepercayaan kepada diri sendiri itu kepada diri dan anak2 kita mudah-mudahan akan jadi-lah kita suatu umat yang sanggup memikul tanggung-jawab demi untuk men-chapai sa-barang kejayaan yang di-redhai Allah.

139 memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada enam bulan pertama tahun ini telah mencatatkan sa-ramai 139 orang saudara2 baru yang memelok Ugama Islam di-negeri ini termasuk kanak2.

Dari jumlah tersebut Daerah Brunei dan Muara telah mencatatkan jumlah pemelok2 Ugama Islam yang paling ramai ia-itu 60 orang di-ikuti pemelok2 dari Daerah Temburong sa-ramai 32 orang, Daerah Belait sa-ramai 28 orang dan Daerah Tutong sa-ramai 19 orang.

Di-samping itu sa-ramai enam orang lagi termasuk satu keluarga yang terdiri empat orang telah memelok Ugama Islam di-tiga tempat yang berasingan.

Bertempat di-rumah Awang Nayan bin Sisa di-Kampung Tanjong Nangka, Daerah Brunei dan Muara satu keluarga Iban sa-ramai empat orang yang di-ketuai oleh Kilat anak Jaba ber-umur 45 tahun.

Kilat dan keluarga-nya berasal dari Baram, Sarawak telah memilih nama



Noraini bte Muhammad

Islam-nya sa-bagai Mohd. Ja'afar bin Abdullah, manakala isteri-nya 26 tahun kini di-kenali sa-bagai Asmahwati bte Abdullah dan anak2 mereka sa-bagai Normahwati dan Noriilawati.

Manakala Sanda anak Banjang juga pemuda Iban dari Kuching, Sarawak telah memilih nama Islam-nya sa-bagai Hurman bin Abdullah. Dan Gee Sam Moi gadis China berusia 17 tahun kini di-kenali sa-bagai Noraini bte Muhammad. Kedua mereka telah melafadzkan ikrar Islam masing2 di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin.

SATU fakta yang nyata dan tidak dapat di-sangkal-kan lagi dalam kehidupan manusia dewasa ini ia-lah: sa-makin pandai dan maju manusia itu, maka sa-makin jauh-lah mereka dari ketenteraman bathin. Telah di-rasai oleh pengkaji2 ilmu saikoloji bahawa sejak dari abad Ke-19 bangsa2 yang telah maju perindustrian-nya telah merasa segala sa-suatu telah dapat mereka chapai. Mereka dapat memperoleh apa yang mereka hajatkan melalui pengkajian2 ilmiah terhadap sa-suatu yang dahulu mereka ragukan. Yang demikian berkur-nglah kepercayaan manusia itu kepada keujudan Tuhan dan pegangan hidup yang beragama. Dan lebih jauh lagi, mereka ingin pula hendak mengkaji sa-chara ilmiah tentang konsep Tuhan. Mereka menyangka bahawa ugama itu tidak perlu, sebab mereka yakin boleh hidup dengan per-atoran2 yang mereka buat sendiri. Tetapi akibat dari penye-lewengan ini telah mem-bawa manusia itu hidup yang tidak mengenal puas, berlumba-lumba dan ber-saing-saing selalu mengejar sa-suatu akibat tidak pada, pada yang ada.

Jika di-tinjau sa-bagai mana sikap para sarjana

Ugama mengemudikan pengetahuan ka-jalan Allah

yang kurang perchaya kepada Tuhan dan mening-galkan ketentuan2 ajaran ugama, maka kesarjanaan-nya itu belum tentu dapat mengwujudkan kebahagiaan dan kebaikan masharakat di-mana ia berada. Bahkan untuk kebahagiaan diri-nya sendiri pun belum ada ketentuan-nya kerana pengetahuan-nya itu akan di-gunakan untuk men-chapai keinginan2 yang ka-dang2 berlawanan dengan dasar2 moral dan hukum ugama. Keadaan ini akan dapat kita lihat bila sa-seorang itu chuma memen-tingkan diri sendiri dan kurang mengindahkan hal-chwal orang lain.

Di-negara2 yang telah maju pendidekan-nya, sa-tiap tahun mengeluarkan kumpolan2 sarjana yang

Bingkisan minggu ini

pakar dalam segala bidang. Tetapi sa-makin banyak pakar2 perundangan tampil ka-tengah2 masharakat, maka sa-makin banyak pula penyelewengan2 dan pelanggaran2 terhadap hukum dan undang2. Dan bahkan sa-lah2 nampak hidup mereka sudah tiada berperaturan untuk di-patohi lagi. Sa-makin banyak pakar2 kemasharakatan munchol, maka sa-makin bertambah-lah keteguhan masharakat, perkelahian dan pencholekan sa-makin menjadi-jadi, penipuan dan perompakan kian bersemarak.

Demikian juga hal-nya dengan kemuncholan sarjana2 pendidekan yang tumboh-nya bagai chendawan. Tetapi alang-kah menyedihkan bila di-ke-tahui; di-kota2 besar kemerosotan moral telah menjadi-jadi, perbuatan2 maksiat, fitnah dan tohmah, penchurian dan perompakan telah menjadi suatu cherita yang menegakkan bulu roma. Tentu-nya kita ingin hendak tahu, kenapa-kah keadaan ini boleh terjadi? Apa-kah ahli2 pendidekan tersebut sudah tiada mampu untuk menghadapi masharakat-nya atau teori pendidekan mereka sudah usang atau tiada sesuai dengan zaman-nya?

Sa-benar-nya, tidak ada salah-nya pada ilmu hukum dan perundangan tadi. Tidak ada kurang-nya ilmu kemasharakatan itu, untuk mengwujudkan masharakat adil dan baha-gia, dan demikian juga tidak ada salah-nya kepada teori pendidekan yang di-kaji oleh pakar2 pendidekan tadi. Tetapi yang salah ia-lah jika yang memileki pengetahuan2 tersebut. Jiwa yang kosong dari pengetahuan, jiwa yang tidak mampu menghadapi kesukaran, ia-itu-lah jiwa yang kosong dari ugama. Ugama-lah yang memberikan dorongan kepada sa-tiap orang supaya ia me-lakukan yang baik2. Jiwa orang2 mukmin dapat meng-endalikan segala sikap, tindakan dan perkataan-nya, dan jiwa ini-lah yang mendorong untuk mematuhi peraturan2 dan undang2 itu. Jua ia akan dapat membangunkan mental yang di-harapkan akan dapat melawan segala tentangan dengan menggunakan bidang kesarjanaan yang di-dapati-nya.

Tetapi sa-balek-nya jiwa yang tandus dari ugama dan iman akan merasa ringan sa-haja bila melanggar hukum2 dan peraturan2 kerana baginya ia dapat menghindari segala akibat2 pelanggaran itu dengan pengetahuan-nya yang tanpa ugama.

Pendek kata betapa pun tinggi melangit pengetahuan sa-seorang itu, apabila ia tidak beragama, maka pengetahuan-nya itu ada-lah sa-mata2 menjadi alat untuk kesenangan diri-nya tanpa mengira kepentingan orang lain. Oleh yang demikian ugama ada-lah satu keperluan untuk mengemudian pengetahuan ka-arah kepercayaan kepada Allah s.w.t. dan mematuhi dalam ketekunan mengikuti ajaran2-Nya.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 3hb Oktober, 1979 hingga hari Selasa 9hb Oktober, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
3hb Okt	12.16	3.33	6.17	7.31	4.35	4.50	6.07
4hb Okt	12.16	3.33	6.17	7.31	4.35	4.50	6.07
5hb Okt	12.16	3.33	6.17	7.31	4.35	4.50	6.07
6hb Okt	12.14	3.32	6.14	7.30	4.34	4.49	6.06
7hb Okt	12.14	3.32	6.14	7.30	4.34	4.49	6.06
8hb Okt	12.14	3.32	6.14	7.30	4.34	4.49	6.06
9hb Okt	12.14	3.32	6.14	7.30	4.34	4.49	6.06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



MAJLIS Ugama Islam Brunei telah mendermakan sa-jumlah \$750.00 kepada Awang Mohamad bin Haji Damit (sa-belah kiri gambar atas) yang rumah beliau terbakar baru2 ini di-majlis tersebut (kanan) dan di-saksikan oleh Pg Hj Tuah Pg Mohammad (tengah) Pemangku Hal Ehwal Ugama (Gambar JHEU).

SEMOGA Allah menghucuri rahmat-Nya ka-atas roh Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit yang telah mengkat pada 13hb September, yang lalu, dan terkumpul dalam gulungan para suhada dan salehin.

NEGARA MASEH BERKABONG MASOK HARI KA-21, HARI INI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seluruh negara dan raayat maseh berkabung masok hari ka-21, hari ini berikutan kemangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ibnata Seri Paduka Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman pada 20hb Shawal, 1399 bersamaan 13hb September, 1979

yang lalu. Perkabongan sa-lama 30 hari bagi raayat dan 40 hari bagi Keluarga Diraja.

Sejurus sa-telah kemangkatan Duli Yang Teramat Mulia itu, beberapa kawat takziah telah di-terima antara-nya dari Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II; Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Diper-


tuan Agong Malaysia; Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan; Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor; Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Hussein Onn; Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datu Petinggi Tan Seri Hj Abdul Rahman Ya'akub.

Duli Yang Teramat Mulia selamat di-makamkan di-Kubah Makam Diraja pada 21hb Shawal, 1399 bersamaan 14hb September, 1979 petang Jumaat dengan penoh istiadat kebesaran Diraja; 40 membawa Sinipit, 16 membawa Tumbak, 14 Pedang, 8 Kabok Panas-tan, 2 Hulubalang membawa Changkah serta bintang dan pingat2 kebesaran.

Bendera negeri dan bendera peribadi di-naikkan sa-tengah tiang di-seluruh negeri; Majlis menghantar ayeng asah-asahan tiga hari dan tujuh hari telah selamat di-sempurnakan sementara Majlis genap 40 hari dan 100 hari akan di-maklumkan kemudian.

Sementara itu Majlis Membacha Tahlil sa-lama 40 hari di-adakan di-Istana Darul Hana, sa-lepas menunaikan Sembahyang fardhu Maghrib dan di-seluruh masjid atau surau juga mengadakan Membacha Tahlil pada tiap2 malam sejak 20hb Shawal, 1399 bersamaan 13hb September, 1979 hingga 1hb Dzulhijjah, 1399 bersamaan 22hb Oktober, 1979.


